

04 AUG 1997

Ling-Pengangkutan

PENGANGKUTAN KARGO DAN EKONOMI MALAYSIA MEMBANGUN SEIRING

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Industri pengangkutan kargo membangun seiring dengan kemajuan pesat ekonomi Malaysia, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Kargo udara telah mencatatkan pertumbuhan yang menggalakkan dengan peningkatan dari 381.41 juta kilogram pada 1994 kepada 482.03 juta kilogram pada 1995.

"Ini meningkat kepada 541.42 juta kilogram pada 1996," katanya ketika melancarkan syarikat penghantaran ekspres dan pengurusan logistik yang pertama di Malaysia, CEN Worldwide Sdn Bhd, di sini, hari ini.

Cen Worldwide adalah milik sepenuh CEN Sdn Bhd, syarikat pegangan yang terdiri daripada Pos Malaysia Bhd. yang memiliki ekuiti 42.5 peratus, Transmile Group Bhd (37.5 peratus) dan Konsortium Perkapalan Bhd (20 peratus) manakala Kementerian Kewangan memiliki saham penentu syarikat itu.

Dr Ling turut menyaksikan majlis menandatangani memorandum perjanjian antara ketiga-tiga syarikat itu yang diwakili oleh Pengerusi Eksekutif Pos Malaysia Tan Sri Zainol Mahmood, Ketua Pegawai Eksekutif Transmile Group, Gan Boon Aun dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Konsortium Perkapalan Bhd, Mirzan Mahathir.

Dalam sektor maritim, pengendalian kargo di pelabuhan-pelabuhan meningkat daripada 129.93 juta tan pada 1994 kepada 147.38 juta tan pada tahun berikutnya dan terus meningkat kepada 168.85 juta tan pada tahun lepas.

Dr Ling berkata, kerajaan sedar mengenai pentingnya industri penghantaran ekspres dan pengurusan logistik dan akan menggalakkan perkembangannya.

Kerajaan akan terus memberi penekanan terhadap kemudahan dan pembangunan infrastruktur untuk menggalakkan perkembangan industri itu.

"Sebagai contoh, Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) yang sedang dibangunkan direkabentuk dengan kemudahan khas untuk mengasingkan surat, bungkusan dan kargo khas," katanya.

Sementara itu Mirzan yang juga Ketua Pegawai Eksekutif CEN Sdn Bhd berkata, cara syarikat itu beroperasi adalah unik iaitu menggabungkan sumber tiga syarikat utama di Malaysia yang mengkhusus dalam bidang pengurusan pengangkutan dan logistik, dengan setiap syarikat menyumbangkan kebolehan, sumber dan pengalaman.

Pos Malaysia, melalui Pos Laju menawarkan tenaga pekerja dan lebih 600 rangkaian pejabat pos di seluruh negara, Transmile Group pula menyumbangkan kemudahan pengangkutan udara dengan 11 pesawat dan mempunyai perancangan segera untuk menambah lagi dua manakala Konsortium Perkapalan menyediakan rangkaian kemudahan pendedaran dan gudang di samping menyumbangkan pengalaman dalam pengurusan logistik dan membangunkan penyelesaian khusus bagi pengguna. -- BERNAMA

SJA NN PR